

MOHD. LABIB AHMAD

ISLAM

BERMAZHAB ATAU TIDAK BERMAZHAB



مجلس اکام اسلام دان عادۃ استھاۃ ملیو کانتن

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

ISLAM
BERMAZHAB ATAU
TIDAK BERMAZHAB

Siri Penerbitan Percuma Bil. (60)

ISLAM BERMAZHAB ATAU TIDAK BERMAZHAB

Saringan:

MOHD. LABIB AHMAD

dari karya asal Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti
اللا مذهبية: أخطر بدعة تهدّد الشرعية الإسلامية

Penyelenggara:
Abdul Razak Mahmud



**Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
2016**

Dikeluarkan oleh:
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,
15200 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7481512
Faks: 09-7485512
Portal Rasmi: www.e-maik.my
Email: maik@e-maik.my

Cetakan pertama 2016 (3,000 naskah)

Dicetak oleh:
PERCETAKAN UNI PRESS
Lot 104, Jalan Pencawang TNB Lundang, Off Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-743 4924 Faks: 09-743 4925 H/P: 017-958 7797
E-mel: unipress79@gmail.com / uni_press@yahoo.com

NOTA PENYELENGGARA

Kebelakangan ini, berbarengan dengan munculnya era modenisma atau malah liberalisme yang menyaksikan maraknya unsur kebebasan berfikir dalam kehidupan umat, termasuk dalam hal-hal agama, maka di sana sini bergaung slogan-slogan baharu yang mengajak umat ke arah fahaman “baharu” dalam agama atau dalam kehidupan beragama. Slogan-slogan ini yang berselindung di balik tabir “pembaharuan agama” atau “reformasi agama” sangat gencar digerakkan di dunia Islam kini. Hasilnya, maka muncullah gerakan-gerakan ke arah kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah, galakan berijtihad, membuka kembali pintu ijтиhad yang “kononnya” tertutup atau telah ditutup - atau malah seruan-seruan ke arah menafsirkan semula al-Quran dan menilai kembali al-Hadith agar supaya sesuai dengan kehendak zaman - larangan bertaqlid dan lain-lain sebagainya.

Pada masa yang bersamaan, terbitlah banyak buku-buku yang mendokong trend ini, di samping tak kurang pula muncul istilah-istilah yang dahulunya tak dikenal seperti *Islam liberal*, *Islam rasional*, *Islam tanpa mazhab* dan lain-lain.

Risalah kecil ini cuba membahas masalah ini dan berusaha menundukkannya secara tuntas. Benarkah orang tidak digalakkan bertaqlid, malah dilarang bertaqlid. Benarkah mazhab tidak perlu, malah mazhab menurut pandangan mereka tidak muncul kecuali setelah berlalu zaman Rasulullah s.a.w., zaman sahabat dan tabi'in. Maka itu, tanya mereka, sebelum mazhab muncul apakah yang menjadi ikutan umat? Jawapannya tidak lain tentulah al-Quran dan al-Sunnah. Demikian analogi mereka.

Benarkah demikian, atau benarkah taqlid tidak dibenarkan? Jika benar demikian, maka akan ke manakah “orang awam” akan berpandu. Hendak berijtihad, atau paling dha'if, untuk memahami kitab, *awak* tidak mampu.

Di sebaliknya pula timbul persoalan: Apakah setiap orang layak berijtihad atau mampu memahami al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana yang diserukan oleh “tokoh-tokoh modernis” atau “pembaharu” ini? Jika demikianlah keadaannya, maka bagaimana pula halnya dengan orang awam atau *awam al-Muslimin* yang bukan sahaja tidak mampu memahami dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah, malah ramai pula yang buta huruf.

Sejatinya pintu ijtihad tidak pernah “ditutup”. Ia sentiasa terbuka dan boleh dimasuki oleh sesiapa sahaja yang layak dan ahli. Di sebaliknya pula, bagi mereka yang tidak layak dan bukan ahli, maka kepada mereka dibenarkan untuk bertaqlid kepada mana-mana imam mujtahid.

Pada tahap ini, penting dicatat bahawa orang janganlah hendaknya mengecam taqlid, apa lagi secara melulu pula, sebagaimana yang dilakukan oleh “kaum muda” atau mereka yang berfikiran moden itu, kerana bukan semua orang mampu membebaskan dirinya daripada bertaqlid. Atau dalam perkataan lain bukan semua orang mampu berijtihad atau memenuhi syarat-syarat untuk menjadi mujtahid. Sebaliknya, bagi orang awam seperti kita, taqlid menjadi semacam suatu keharusan pula. Benarlah, bahawa para imam-imam mazhab tidak meminta orang awam agar bertaqlid kepada mereka, tetapi kalau setiap orang diminta supaya berijtihad, sedangkan syarat-syarat untuk berijtihad tidak ada atau tidak mencukupi, maka tak dapat tidak pada waktu itu akan lahirlah dalam masyarakat golongan “mujtahid gadongan” atau mujtahid jadi-jadian dengan masing-masing akan mengeluarkan pendapat atau fatwa dalam agama berdasarkan hawa nafsu atau kepentingan masing-masing pihak sehingga akan kucar-kacirlah agama kerana terlalu banyak pendapat yang saling berseleweran dan tidak benar. Akhirnya umat ini akan berpecah-belah, berpuak-puak, “sesat dan menyesatkan”.

Mereka yang melarang bertaqlid, sebaliknya menggalakkan berijtihad, sebahagiannya adalah kerana dorongan untuk membuang kebekuan atau ke “jumud”an umat. Bagi mereka ini, kebekuan umat

adalah terjadi kerana taqlid, tidak bersikap berani, tidak progresif, tidak rasional, tidak terbuka dan macam-macam lagi. Pada hal sebenarnya keterbelakangan umat ini bukan kerana amalan bertaqlid. Dalam perkataan lain, taqlid bukan menjadi biang keladi kepada kejumudan umat Islam kini. Penyakitnya terletak di tempat lain - bukan taqlid. Bagaimanapun, perbincangan mengenai hal ini tidak akan disentuh di sini kerana bukan pada tempatnya.

Sebaliknya, jika kita mau jujur, maka di antara upaya Yahudi, Nasara, orientalis atau Freemasonry untuk memecahkan umat Islam ialah dengan cara menghidupkan perdebatan atau pertengkaran dalam soal-soal khilafiyah dan menyeru orang Islam agar supaya membebaskan diri daripada bertaqlid, walaupun mereka tidak berkelayakan untuk berijtihad. Pada saat ini mereka sedang menyuntik umat Islam dengan racun egalitarian (serba sama) atau dengan menyebarkan konsep "kebebasan berfikir" yang menyanggah kewibawaan ulama'. Tidak lain tujuan mereka dengan seruan ini kecuali untuk menimbulkan pelbagai macam pendapat yang saling bertentangan sehingga, lama-kelamaan, orang awam akan menjadi keliru dan kebingungan tanpa mengetahui mana satu pendapat yang benar untuk diikuti atau mana satu fatwa yang harus dipegang.

Sesungguhnya taqlid bagi orang awam itu memberi mereka kestabilan, kenyamanan dan keseragaman dalam beragama, lebih-lebih lagi pada zaman yang dibanjiri fitnah dan berbagai keceluaran ini. Adapun tentang "kebekuan" atau tidak adanya kemajuan dalam kalangan umat ini, maka itu - seperti dikatakan - bukan berpunca daripada sikap bertaqlid, sebaliknya ia timbul akibat daripada kejahilan atau salah faham umat terhadap ajaran agama mereka, selain tidak berpegang dengan "tali Allah".

Sebenarnya, orang-orang yang mendakwa telah membebaskan dirinya daripada bertaqlid, pada hakikatnya mereka masih juga bertaqlid kepada seseorang atau kepada tokoh yang dikaguminya; boleh jadi ia bertaqlid kepada Abu Bakar al-As'yari atau A. Hasan Bandung, atau kepada Muhammad Hasbi al-Shiddieqy, Harun

Nasution atau kepada Nurchalis Madjid. Kemudian, kalau kita mahu jujur sekali lagi, tokoh-tokoh yang disebut ini pula sebenarnya adalah bertaqlid kepada tokoh-tokoh sebelumnya seperti Ibnu Taimiyah atau Muhammad bin Abdul Wahhab, atau juga kepada Muhammad Abdurrahman atau Muhammad Rasyid Ridha. Manakala Muhammad Abdurrahman sendiri pula adalah menjadi pengekor kepada beberapa orang lain, termasuk kepada gurunya Syeikh Jamaluddin al-Afghani, sebelum beliau pula diikuti rapat oleh Dr. Harun Nasution di belakang hari. Demikianlah kita lihat, bagaimana mata rantai taqlid ini sambung bersambung dan rangkai berangkai sehingga tidak habis-habisnya.

Perlu diketahui, bahawa dalam sejarah tamadun Islam terdapat cukup banyak tokoh-tokoh yang bertaqlid kepada orang-orang sebelumnya. Misalnya, Imam Nawawi yang diketahui bertaqlid kepada Imam Syafi'e, Imam al-Ghazali yang dalam karangan-karangannya dikesan sangat banyak mencontohi al-Muhasibi dan Abu Talib al-Makky, manakala Muhammad bin Abdul Wahab menjadi muqallid kepada Ahmad bin Hanbal, dan banyak lagi contoh-contoh yang lain. Mereka semuanya tampak berpuas hati berteduh di bawah naungan imam-imam mazhab yang sudah ada dan mu'tabar, tanpa perlu menghabiskan umur mereka bagi memperdalam ilmu-ilmu zahir dan membina mazhab baharu. Adapun bagi tujuan untuk memperoleh darjah keimanan yang tinggi atau kedekatan dengan Allah, maka mereka sebaliknya menumpukan perhatian kepada mendalami ilmu-ilmu rohaniyyah di samping rajin beribadat dan bermujahadah pada jalan Allah, kerana mereka menyedari bahawa umur mereka di dunia sangat singkat, dan kerananya, tidak punya waktu untuk bertengkar dan berdebat dalam perkara-perkara khilafiyah.

* * * * *

Buku ini adalah saringan daripada sebuah buku berbahasa Arab berjudul **اللَا مِنْهِيَّةٌ أَخْطُرُ بِدَعَةٍ تَهَذَّدُ الشَّرِيعَةُ الْأَسْلَامِيَّةُ** yang ditulis oleh seorang tokoh ulama' Syria yang terkenal - Dr. Mohd. Sa'id Ramadhan al-Buti. Pada waktu buku ini saya baca pertama kali pada 1997, saya merasa sangat terkesan dan puas hati. Namun apa boleh buat,

penguasaan bahasa Arab saya yang terhad tidak memungkinkan saya untuk menterjemahkan isi buku ini ke dalam bahasa Melayu. Walaupun demikian, saking tertariknya saya kepada isi buku ini, sampai-sampai saya kemudian sempat mendiskusikannya dengan Ustaz Mohd. Labib Ahmad (alm.) sebelum menyerahkan naskhah buku berkenaan kepada beliau dengan harapan beliau akan berkenan menterjemahkannya ke bahasa Melayu, atau setidak-tidaknya, menyaring dan meringkaskannya untuk tatapan pembaca yang tidak berpeluang membacanya dalam bahasa Arab.

Saya ingat benar, pada saat itu saya masih lagi bertugas sebagai Editor *Pengasuh* (1991 - 2005). Maka alangkah gembiranya saya, apabila selepas dua bulan, saya tiba-tiba menerima kiriman dari beliau berupa naskhah saringan buku berkenaan yang ditulisnya dalam tiga bahagian. Apalagi, tanpa membuang waktu, saya lalu menyiarkan tulisan ini dalam tiga keluaran majalah *Pengasuh*; masing-masing pada bilangan 580 (Mei - Jun 2003), 581 (Julai - Ogos 2003) dan 582 (Sept - Ogos 2003).

Nah! Sekarang, bagi maksud agar supaya tulisan ini tersebar lebih luas, saya kembali mengambil inisiatif bagi menyunting semula naskhah ini dan menyelenggarakannya untuk diterbitkan dalam sebuah buku khusus agar mudah ditela'ah dan diteliti. Tidak lain tujuan saya dengan upaya ini, kecuali untuk menyajikan sebuah gagasan yang saya anggap sangat tepat dan jitu tentang konsep taqlid yang kini ramai dicemuh sebagai terkebelakang, kolot dan konsevartif.

Mudah-mudahan, buku ini mampu memberikan sebuah wacana baharu kepada kita semua. Terima kasih.

*Majlis Agama Islam dan
Adat Istiadat Melayu Kelantan*
11 Oktober 2015

Abdul Razak Mahmud

[I]

PENDAHULUAN

Malapetaka besar yang menimpa kaum muslimin hari ini Antaranya berpunca daripada pengabaian mereka terhadap fundamental ajaran Islam yang termaktub di dalam al-Quran al-Karim dan al-Sunnah, di samping kemunduran mereka di bidang ilmu pengetahuan dalam segala bidang, pada hal kedua-duanya boleh menjamin kedudukan mereka sebagai khalifah Allah yang sebenar di muka bumiNya. Ini telah menyebabkan pemikiran mereka mengandungi unsur ilhad, sikap mereka mudah berubah-ubah dan pegangan mereka sentiasa menyimpang daripada prinsip-prinsip Islam yang sebenar.

Inilah yang sepatutnya menjadi isu utama yang harus difikirkan oleh umat Islam dan diusahakan cara yang wajar bagi menimbulkan kesedaran dan keinsafan di kalangan mereka agar supaya kembali ke pangkal jalan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu Islam merenungi persoalan ini dan seterusnya bertindak bagi memulihkan keadaan yang tenat ini, agar dengan demikian kaum muslimin seluruhnya tidak dipandang rendah, sebaliknya tetap dianggap sebagai perintis dalam berbagai-bagai kegiatan hidup.

Malangnya, di tengah-tengah umat Islam sedang berada dalam keadaan serba pincang ini, masih terdapat mereka yang mementingkan isu remeh-temeh daripada memikirkan jalan keluar daripada malapetaka yang sedang menimpa umat Islam ini, seolah-olah isu remeh-temeh itu sudah bertukar menjadi persoalan pokok dalam agama Islam atau ianya termasuk dalam perkara-perkara *aulawiyyat*.

Isu remeh-temeh yang dimaksudkan di sini ialah isu yang menyangkut pegangan kepada mazhab yang empat sehingga ada yang menuduh kafir dan sesat kepada mana-mana orang yang berpegang dengan mana-mana mazhab tersebut!

Muhammad Sultan al-Ma'sumi al-Khajindi yang mengaku sebagai seorang guru di Masjid al-Haram telah mengenengahkan isu ini di dalam buku kecilnya yang berjudul *هل المسلم ملزوم باتباع مذهب معين من المذاهب الاربعة؟* (adakah seorang muslim dimestikan mengikut mazhab tertentu dari empat mazhab itu?). Gagasan ini telah mendapat sokongan sesetengah pihak, di samping tidak kurang pula menerima kecaman dari beberapa pihak yang lain.

Sepatutnya perkara ini tidak timbul dan tidak menjadi sesuatu yang kontoversi di kalangan kaum muslimin. Adalah suatu fakta yang tidak boleh ditolak, iaitu sejak dahulu lagi kaum muslimin menyedari bahawa umat Islam itu terbahagi kepada dua golongan; golongan para mujtahidin dan golongan yang bertaqlid kepada para mujtahidin. Orang yang bertaqlid akan mengikuti salah seorang dari kalangan mujtahidin. Ia berhak beriltizam dengannya dan tidak menukar taqlidnya sepanjang hayatnya, sebagaimana ia juga berhak menukar taqlidnya kepada mana-mana imam mujtahid yang lain.

Tetapi al-Khajindi di dalam buku kecilnya itu telah mengenepikan fakta ini, sebaliknya beliau menuduh perbuatan bertaqlid kepada para mujtahiddin itu sebagai tindakan bertaqlid kepada golongan yang tidak ma'sum dan boleh menyebabkan orang yang bertaqlid itu menjadi sesat. Baginya, mengikuti al-Quran al-Karim dan al-Sunnah itu bererti mengikuti yang ma'sum, manakala mengikuti imam mazhab yang empat itu bererti mengikuti imam-imam yang tidak ma'sum.

Pada permulaan perbahasannya, al-Khajindi memperkatakan tentang hakikat iman dan Islam. Beliau mengemukakan hadith-hadith berkaitan dengan kedua-duanya seperti hadith Jibrail yang menyamar sebagai seorang lelaki, datang menanyakan kepada Rasulullah s.a.w. mengenai Islam yang dijawab Baginda dengan sabdanya:

الاسلام أن تعبد الله ولا تشرك به وتقيم الصلاة وتؤدي الزكاة المفروضة
وتصوم رمضان....(رواوه البخاري)

Ertinya: “Islam itu ialah engkau mengabdikan diri kepada Allah dan tidak menyengutukanNya, engkau dirikan solat, engkau tunaikan bayaran zakat yang difardhukan dan engkau berpuasa bulan Ramadhan...”

Juga hadith dari Ibn Umar, iaitu sabda Rasulullah s.a.w.:

بني الاسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله
وإقامة الصلاة وإيتاء الزكوة والحج وصوم رمضان (رواوه البخاري)

Ertinya: “Islam ditegakkan atas lima perkara: Syahadah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad Pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan ibadat haji, dan berpuasa bulan Ramadhan”.

Begitu juga hadith mengenai seorang lelaki yang menanyakan kepada Nabi s.a.w. mengenai amalan yang boleh membawanya masuk syurga, yang dijawab Nabi s.a.w. dengan sabdanya: ﴿تَشَهِّدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ﴾. Kemudian dibawakan pula sepotong hadith lagi mengenai seorang lelaki yang menelekukan untanya di sisi Masjid Rasulullah s.a.w. dan menanyakan kepada Baginda tentang rukun Islam yang terpenting.

Tujuan al-Khajindi membawa hadith-hadith tersebut ialah untuk membuktikan bahawa ajaran Islam itu mudah dan enteng. Beliau menegaskan bahawa dengan berdasar kepada riwayat-riwayat hadith berkenaan, ternyata ajaran Islam itu tidak lebih daripada beberapa kalimah dan sangat mudah sehingga boleh difahami oleh orang Arab dusun atau mana-mana orang Islam. Ianya begitu mudah sehingga orang tidak perlu bertaqlid kepada seseorang imam atau beriltizam dengan seseorang ahli ijtihad.

Seterusnya beliau menegaskan bahawa mazhab-mazhab itu hanyalah merupakan pendapat-pendapat golongan berilmu yang memahami sesetengah persoalan. Pendapat-pendapat dan fahaman-fahaman itu, menurutnya, tidak diwajibkan oleh Allah Ta'ala dan oleh rasulNya ke atas seseorang Islam supaya berpegang dengannya. Berdasar kepada alasan ini, maka perbuatan berpegang kepada mana-mana mazhab yang empat atau selainnya adalah tidak wajib dan tidak juga sunat. Seseorang Islam tidak sewajarnya beriltizam dengan salah satu daripada mazhab-mazhab yang empat, bahkan sesiapa yang beriltizam dengan mana-mana mazhab dalam semua masalah maka ia dianggap fanatik lagi bertaqlid buta. Menurutnya lagi, asas pegangan dalam Islam ialah berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah, dan kedua-duanya adalah ma'sum atau terpelihara daripada sebarang kesalahan. Sementara berpegang kepada pendapat imam-imam mazhab bererti peralihan daripada

hukum al-Quran dan al-Sunnah kepada hukum selain kedua-duanya. Dalam perkataan lain, ianya adalah peralihan daripada berpandu kepada yang ma'sum kepada berpandu kepada yang tidak ma'sum!

Al-Khajindi selanjutnya menyatakan bahawa mazhab-mazhab itu merupakan perkara baharu atau bid'ah yang muncul selepas abad ketiga Hijriyyah. Dan tidak syak lagi ianya adalah sesat. Beliau telah bertanya sama ada di sana terdapat dalil-dalil yang menunjukkan bahawa manusia akan ditanya dalam kuburnya kelak tentang mazhab apa yang dipegangnya!

Al-Khajindi kemudian menegaskan bahawa kemunculan mazhab yang empat adalah untuk menandingi Muhammad s.a.w. dan meminggirkannya dengan katanya: "Mazhab sebenar yang wajib diikuti hanyalah mazhab Muhammad s.a.w., kemudian mazhab para khulafa' Rashidin r.a. Dari manakah datangnya mazhab-mazhab yang lain itu? Dan mengapakah ianya tersebar luas serta dipaksakan ke atas kaum muslimin? (*Hal al-Muslim...* halaman 12).

Di samping itu beliau menekankan bahawa mereka yang mengikuti seseorang imam mazhab tidak wajib beriltizam dengannya sepanjang hayat. Begitu juga sesiapa yang telah mencapai hukum sesuatu masalah dengan bimbingan lunas-lunas al-Quran dan al-Sunnah serta memahami dalil yang berbagai-bagai maksudnya, tidak harus ia bersikap fanatik dengan mazhab imamnya atau kepada apa-apa fahaman yang berlainan daripada dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah.

Setelah itu beliau membuat perbandingan antara pengertian "taqlid" dengan pengertian "ikutan" dengan menjadikan taqlid itu sebagai sesuatu yang dicela lagi mungkar, sementara ikutan

itu sebagai sesuatu yang baik lagi terpuji. Ikonan mengikut pandangannya bererti orang yang diikut itu ditanya tentang hukum Allah dan RasulNya dan tidak ditanya tentang pendapat orang lain dan mazhabnya (halaman 14 dan 15).

Kemudian, beliau menyebut apabila terdapat berbilang riwayat daripada Rasulullah s.a.w. mengenai sesetengah perkara tanpa diketahui mana yang dahulu dan mana yang kemudian, dan tidak ternyata ada nasikh, maka anda hendaklah membawakan semuanya, kadang-kadang dengan yang ini dan kadang-kadang dengan riwayat yang lain pula. Beliau kemudian menjelaskan bahawa mazhab-mazhab yang berlainan itu timbul akibat daripada pengabaian terhadap prinsip ini (halaman 17).

Seterusnya beliau menegaskan bahawa orang yang berijtihad mungkin salah dan mungkin pula betul hasil ijтиhadnya itu. Kerana itulah orang tidak harus bertaqlid kepadanya. Sementara Nabi Muhammad s.a.w. adalah salah seorang yang ma'sum daripada segala kesalahan, dan oleh kerana itu orang tidak harus meminggirkannya dan menyimpang daripadanya.

Kemudian beliau mengulangi dakwaannya, bahawa bermazhab dengan mazhab seseorang ahli ijtihad tertentu adalah suatu perbuatan bid'ah. Beliau juga menekankan bahawa para sahabat seluruhnya merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w., juga kepada pendapat para sahabat yang dipersetujui mereka apabila ketiadaan dalil. Selepas abad ketiga barulah muncul bid'ah bermazhab dan bertaqlid ini. Seterusnya beliau mengcam mereka yang menjadikan nas-nas imam mereka sebagai lebih utama daripada nas-nas al-Quran, serta membawakan banyak dalil daripada para imam mazhab tentang kesalahan berta'sub dan berfanatik terhadap seseorang imam sebagai sesuatu yang menentang dalil daripada al-Quran dan

al-Sunnah. Dari kata-kata para imam itu, al-Khajindi membuat kesimpulan haramnya bertaqlid dan berpegang kepada mazhab tertentu (halaman 28 – 34).

Akhirnya al-Khajindi menyeru setiap orang Islam supaya terus meneliti al-Quran al-Karim dan al-Sunnah bagi mendapatkan hukum-hukum Islam secara langsung. Beliau menegaskan betapa mudahnya hukum-hukum tersebut diperolehi kerana ianya tidak memerlukan lebih daripada kitab-kitab hadith *al-Muwattha'*, *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Daud*, *Jami' al-Tirmizi* dan *al-Nasa'i*.

Al-Khajindi juga mengajak para pembaca risalahnya supaya menela'ah *Muqaddimah Ibni Khaldun* yang didakwa telah menyatakan bahawa kemunculan mazhab-mazhab dan penyebarannya secara meluas adalah berpunca daripada pergolakan politik dan penguasaan bukan Arab yang mempunyai berbagai motif ke atas tumpuk pemerintahan negeri. Untuk memperkuuhkan dakwaannya lagi, al-Khajindi telah membawa kata-kata Shah Waliyyullah al-Dehlawi, al-Izz bin Abdul Salam, Ibn Qayim al-Jauziyyah dan al-Kamal bin al-Hamam yang menurutnya, tokoh-tokoh berkenaan telah menolak perbuatan bertaqlid kepada mana-mana imam mazhab.

Demikianlah kesimpulan isi kandungan risalah al-Khajindi, yang mana dari celah-celah perbahasan dan perbincangannya itu dapat dikesan motifnya, iaitu mengharamkan seseorang Islam daripada berpegang kepada salah satu mazhab yang empat, dan menganggap mana-mana mereka yang beriltizam dengannya adalah kufur kerana menjadikan selain Allah sebagai Tuhan. Menurutnya, seorang Islam perlu mendapatkan hukum-hukum daripada al-Quran al-Karim dan al-Sunnah secara langsung. Andainya ia tidak berupaya melakukan demikian, maka bolehlah

ia berpindah-pindah daripada satu mazhab ke satu mazhab yang lain. Lebih lanjut Al-Khajindi menegaskan bahawa berpegang kepada kata-kata para ulama' dan qias mereka samalah seperti kedudukan tayammum yang dilakukan ketika ketiadaan air. Pada waktunya terdapat nas-nas al-Quran dan al-Sunnah serta kata-kata para sahabat r.a., maka berpegang kepadanya adalah wajib tanpa ditandingi oleh kata-kata para ulama'.

Pendapat al-Khajindi ini telah mendapat tanggapan daripada seorang tokoh ulama' Syria yang terkenal iaitu Syeikh Nasiruddin al-Albani yang memberi alasan bahawa al-Khajindi bukan seorang Arab dan berasal dari Bukhara. Oleh itu tulisannya dalam bahasa Arab mungkin boleh mengelirukan. Di samping itu Syeikh al-Albani menyatakan pula bahawa bukan semua mazhab para imam itu benar belaka kerana mungkin berlaku kesilapan dalam ijтиhad para imam mazhab-mazhab tersebut. Di sebaliknya pula, mana-mana yang datang daripada Rasulullah s.a.w. sudah pasti benar. Akhirnya beliau menyatakan bahawa hasil ijтиhad seseorang ahli ijтиhad, jika tidak selaras dengan kebenaran yang ada pada ilmu Allah Ta'ala, maka ia bukan agama!

[II]

TANGGAPAN DR. SAID RAMADHAN AL-BUTI ATAS PANDANGAN AL-KHAJINDI

Seperti yang telah disebutkan dalam bahagian yang lalu, isu yang ditimbulkan oleh Muhammad Sultan al-Ma'sumi al-Khajindi al-Makky telah mendapat reaksi positif maupun negatif daripada berbagai pihak. Penentangan yang paling lantang, disertai dengan kecaman, datangnya daripada Dr. Said Ramadhan al-Buti melalui bukunya *اللَا مذهبية أخطر بدعة تهدّد الشريعة الإسلامية* (fahaman tidak bermazhab adalah bid'ah paling berbahaya mengancam Syari'ah Islam).

Sebelum mengengahkan tentangannya, Dr. al-Buti terlebih dahulu membentangkan fakta-fakta yang dipersetujui bersama dalam isu ini. Menurutnya, di sana terdapat tiga perkara yang kesahihannya tidak dipertikaikan, iaitu:

Pertama: Syara' mewajibkan orang yang bertaqlid dengan mana-mana mazhab empat itu supaya kekal dengan taqlidnya tanpa boleh bertukar kepada selain daripada mazhab yang ditaqlidnya. Kaum Muslimin bersepakat mengatakan bahawa

seseorang itu boleh bertaqlid kepada mana-mana ahli ijihad apabila ia telah meyakini mazhabnya dan pendapatnya. Ini berbeza daripada dakwaan yang menyatakan bahawa orang yang bertaqlid itu tidak semestinya beriltizam dengan sesuatu mazhab tertentu, sebaliknya ia mesti berubah-ubah. Ertinya: Ketiadaan wajib beriltizam itu tidak semestinya mengharamkan iltizam.

- Kedua:* Apabila orang yang bertaqlid mampu memahami sesuatu masalah dan dapat mengesan dalil-dalilnya daripada al-Quran al-Karim dan al-Sunnah, serta menguasai usul ijihad, maka ia hendaklah berpegang kepada pendapatnya dan bebas daripada mazhab imamnya, dan adalah haram baginya bertaqlid dalam masalah tersebut, kerana ia mampu berijtihad sendiri. Perkara ini juga disepakati oleh para ulama' dan para imam mazhab-mazhab yang empat itu. Ini bererti orang yang jahil tentang dalil-dalil hukum tidak boleh meminggirkan taqlid dan bergantung secara langsung kepada al-Quran al-Karim dan al-Sunnah.
- Ketiga:* Imam mazhab yang empat itu adalah benar, dengan erti ijihad setiap orang daripada mereka sebagai alasan di sisi Allah Ta'ala jika tidak diyakini sesuatu hukum yang Allah maukan untuk hamba-hambanya dalam masalah yang memerlukan ijihad. Imam itu hanya mengikut apa yang ditunjukkan oleh ijihadnya masing-masing.

Setelah itu Dr. al-Buti mula mendedahkan kekeliruan-kekeliruan dakwaan al-Khajindi dalam isu tersebut. Beliau menganggap dakwaan yang mengelirukan itu sebagai bid'ah yang tidak berasas, walaupun dengan mengemukakan dalil-dalil dan bukti-bukti yang sebenarnya tidak berpihak kepada dakwaannya.

Dalil-dalil dan bukti-bukti itu ialah:

Pertama: Menonjolkan hadith-hadith bagi mengukuhkan dakwaannya bahawa Islam itu tidak lebih daripada mengandungi beberapa hukum mudah yang boleh difahami oleh setiap orang Arab dusun atau orang Islam lain. Manakala mazhab-mazhab hanyalah merupakan pendapat golongan berilmu yang memahami sesetengah masalah, dan Allah Ta'ala serta RasulNya tidak mewajibkan sesiapa mengikuti mana-mana pendapat tersebut (*Hal al-Muslim*...halaman 5 dan 6).

Dalam hal ini Dr. Al-Buti mengingatkan, jika benar hukum-hukum Islam itu terbatas di sekitar beberapa perkara sahaja yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada orang Arab dusun yang menanyakan mengenainya, maka mengapa pula di sana terdapat kitab-kitab himpunan hadith-hadith sahih dan musnad-musnad yang mengandungi berpuluhan-puluhan ribu hadith yang menyentuh berbagai hukum yang berkait dengan kehidupan manusia? Sepatutnya Nabi s.a.w. tidak berdiri berjam-jam, selama beberapa hari, mengajarkan rombongan dari Thaqif tentang hukum-hukum Islam dan perkara-perkara wajib yang ditaklifkan ke atas mereka sekiranya benar hukum-hukum Islam itu terbatas di sekitar beberapa perkara yang mudah sahaja!

Penuturan Rasulullah s.a.w. tentang Islam dan rukun-rukunnya kepada orang ramai tidaklah sama seperti mengajar mereka akan cara-cara melaksanakan rukun-rukun itu yang memerlukan masa yang lebih banyak di samping usaha belajar dan latihan yang lama. Kerana itulah rombongan-rombongan orang Islam yang belum lagi mendalamai rukun-rukun Islam itu biasanya disusuli dengan kunjungan tokoh-tokoh para sahabat ke tempat mereka untuk tinggal bersama-sama mereka serta mengajarkan kepada mereka tentang berbagai hukum Islam di negeri-negeri rombongan orang Islam itu. Umpamanya Khalid bin al-Walid telah dihantar ke Najran, Ali bin Abu Talib ke negeri Yaman, Abu Musa al-'Asya'ri dan Mu'az bin Jabal juga ke negeri Yaman dan Usman Ibnu Abu al-'Ash ke Thaqif. Semua mereka dihantar untuk mengajarkan orang-orang seumpama Arab dusun itu tentang hukum-hukum Islam secara terperinci, sebagai tambahan kepada apa yang telah diajar dan diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam penuturannya.

Pada zaman permulaan Islam, keperluan kepada penyelesaian Islam dan penerangan tentang hukumnya tidak banyak, kerana jajahan Islam belum meluas dan kehidupan kaum muslimin pada masa itu masih sangat sederhana. Tetapi selepas jajahan kerajaan Islam bertambah luas, masalah-masalah yang timbul mula menjadi lebih banyak disebabkan banyaknya tradisi, adat dan kepentingan yang tidak pernah wujud di kalangan kaum muslimin sebelumnya. Semua masalah dalam hal-hal tersebut telah diselesaikan oleh Islam melalui hukum-hukum yang bersumber kepada nas al-Quran al-Karim atau al-Sunnah atau ijma' ulama' atau qias kepada yang asal. Dalam hal ini patut dicatat bahawa hukum Allah Ta'ala ialah mana-mana yang ditunjukkan oleh salah satu daripada sumber-sumber tersebut mengikut syarat-syarat tertentu dalam memahaminya, juga kaedahnya dalam cara penyimpulan sesuatu hukum daripadanya.

Dari sini ternyata bahawa hukum-hukum yang dihasilkan oleh ijтиhad para imam mazhab yang empat dan tokoh-tokoh ulama' seumpama mereka, tidak boleh dipisahkan samasekali daripada sumber-sumber Islam yang asas tersebut. Oleh itu adalah tidak waras jika dikatakan bahawa mazhab-mazhab tersebut merupakan pendapat-pendapat golongan berilmu serta kefahaman mereka dalam sesetengah masalah atau hasil ijтиhad mereka semata-mata. Dan adalah tidak benar juga jika dikatakan bahawa pendapat-pendapat atau hasil ijтиhad serta fahaman-fahaman ini tidak diwajibkan Allah Ta'ala dan RasulNya ke atas seorang Islam mengikutinya sebagaimana yang disebutkan oleh al-Khajindi tadi.

Dakwaan ini sama dengan dakwaan yang dibuat oleh Schacht, seorang orientalis bangsa Jerman yang terkenal dengan dendam kesumatnya terhadap Islam. Beliau pernah mendakwa bahawa fiqh Islam yang disusun oleh para imam mazhab itu hanyalah merupakan amalan perundangan yang dihasilkan oleh otak undang-undang manusia yang istimewa, tetapi sentiasa dikatakan (atau didakwakan) sebagai bersumber daripada al-Quran dan al-Sunnah! Hasil karya Schacht yang mengandungi keterangan seperti ini kini menjadi bahan rujukan utama mengenai fiqh Islam di universiti-universiti Eropah.

Jika benar dakwaan ini, maka ianya bererti, dari segi syara', kita tidak dimestikan beriltizam dengan kebanyakan hukum keluarga Islam kerana ianya tidak lebih daripada hasil ijтиhad dan pendapat mazhab-mazhab, pada hal Allah dan RasulNya tidak mewajibkan seseorang Islam pun mengikutinya! Begitu juga, dari segi syara', kita tidak dimestikan beriltizam dengan undang-undang sivil Islam yang digubal oleh panel ulama' kerana kebanyakan hukumnya adalah merupakan pendapat atau hasil ijтиhad yang Allah dan RasulNya tidak mewajibkan

kita mengikutinya! Dengan demikian, maka kita tidak berhak mengatakan bahawa Islam itu adalah agama dan negara, kerana menurut orientalis bangsa Jerman itu, Islam hanya merupakan agama sahaja!

Para sahabat yang hafal al-Quran, yang memahami isi kandungannya dan mahir menyimpulkan hukum-hukum daripadanya, telah dihantar oleh Rasulullah s.a.w. kepada suku-suku kaum di daerah-daerah dan negeri-negeri yang jauh dengan tugas mengajar orang ramai akan hukum-hukum Islam dan perkara-perkara halal dan haram. Kaum muslimin bersepakat mengatakan bahawa para sahabat yang dihantar itu telah melakukan ijтиhad apabila sukar menemui dalil-dalil jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah, dengan Nabi s.a.w. sendiri menyetujui hasil ijтиhad mereka.

Abu Daud dan al-Tirmizi meriwayatkan daripada Syu'bah r.a., apabila Nabi s.a.w. mengutus Mu'az bin Jabal ke negeri Yaman, Baginda bertanya: Apa yang akan engkau lakukan jika dikemukakan kepadamu sesuatu masalah yang perlu diselesaikan? Mu'az menjawab: Aku akan berhukum mengikut apa yang ada di dalam kitab Allah! Baginda s.a.w. bertanya lagi: Jika tiada di dalam kitab Allah? Mu'az menjawab: Aku berijtihad dan tidak akan berpatah balik! Rasulullah s.a.w. pun menepuk dada Mu'az dan bersabda: Alhamdulillah, Tuhan yang telah memberikan taufik kepada utusan RasulNya mengikut apa yang diredhai!

Inilah hasil ijтиhad dan kefahaman para sahabat ulama'. Mereka mengharamkan dan mempraktikkan di tengah-tengah orang ramai secara wajib dengan persetujuan Rasulullah s.a.w.! Oleh yang demikian, kita tentulah tidak berhak mengatakan

bahawa hasil ijtihad dan kefahaman-kefahaman itu tidak diwajibkan Allah Ta'ala serta RasulNya ke atas seseorang Islam untuk mengikutinya!

Dengan alasan ini ternyata bahawa hukum-hukum Islam itu bukan begitu mudah dan enteng serta bilangannya pun tidak banyak sebagaimana yang disebutkan oleh al-Khajindi, sebaliknya hukum-hukum Islam itu amat luas dan syumul, menyangkut setiap hal ehwal kehidupan individu dan masyarakat, dalam berbagai-bagai keadaan dan situasi. Semuanya merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, sama ada dengan dalil yang zahir secara langsung atau melalui pemerhatian, ijtihad dan penyimpulan hukum. Walau dengan apa-apa cara sekalipun, ia tetap merupakan hukum yang diterima pakai, kerana hukum Allah Ta'ala tidak boleh ditolak samasekali. Ianya merupakan hukum Allah bagi sesiapa yang datang meminta fatwa sahabat dan sahabat itu pun mengeluarkan fatwa yang diminta. Jika tidak demikian, maka tentulah perutusan Rasulullah s.a.w.melalui para sahabatnya kepada suku-suku kaum dan negeri-negeri yang jauh itu menjadi sia-sia sahaja.

Kedua: al-Khajindi menyebut bahawa asas pegangan dalam Islam ialah berpegang kepada kitab Allah dan al-Sunnah. Kedua-dua kitab Allah dan al-Sunnah itu ma'sum daripada sebarang kesalahan. Dengan demikian, perbuatan mengikut para imam mazhab-mazhab bererti beralih daripada yang ma'sum kepada yang bukan ma'sum (*Hal al-Muslim*...hal. 8 hingga 12)

Sebenarnya kata-kata al-Khajindi di atas adalah ditujukan kepada pihak-pihak yang berkemampuan memahami hukum-

hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah dan mengkiaskan kepada kedua-duanya dengan secara langsung, tanpa perantaraan mufti dan imam ahli ijтиhad. Tetapi jika kata-katanya itu dimaksudkan kepada orang biasa yang tidak berkemampuan untuk berijтиhad, menyimpulkan hukum-hukum serta meneliti dalil-dalil serta mafhum-mafhumnya, maka ianya tidak kena pada tempatnya dan tidak boleh diterima.

Yang ma'sum dalam kalam Allah ialah yang dikehendaki Allah dengan kalamNya, dan yang ma'sum dalam al-Sunnah ialah yang dikehendaki Rasulullah s.a.w. dengan sunnahnya. Tetapi fahaman manusia terhadap kedua-duanya tidak bersifat ma'sum, sama ada ia seorang ahli ijтиhad atau ulama' atau seorang yang jahil, terkecuali jika nas daripada al-Quran atau al-Sunnah itu adalah dalil yang muktamad. Oleh itu tidak seharusnya diseru kepada orang biasa supaya meminggirkan taqlid dengan hujjah bahawa al-Quran itu ma'sum manakala imam yang ditaqlid itu tidak ma'sum. Sedangkan sejak dahulu lagi kaum muslimin sudah terbahagi kepada golongan yang bertaqlid dan golongan yang berijтиhad.

Adalah suatu anggapan yang salah jika dikatakan bahawa hasil ijтиhad mazhab-mazhab empat itu tidak bersumber kepada al-Quran dan al-Sunnah, atau mazhab-mazhab itu dikatakan muncul untuk menandingi mazhab Rasulullah s.a.w. yang ma'sum! Sebab para imam mazhab yang empat itu tidak pernah mengatakan bahawa hasil ijтиhad mereka lebih betul daripada hadith-hadith yang sahih!

Ketiga: Tiada dalil dan bukti yang tepat menunjukkan bahawa setiap orang akan ditanya di dalam kuburnya tentang mazhab pegangannya semasa hidup di dunia (*Hal al-Muslim...*, halaman 10).

Ini menunjukkan al-Khajindi mempercayai bahawa neraca bagi mengenal segala kewajipan yang ditaklifkan ke atas manusia adalah berkisar di sekitar soalan dua malaikat di dalam kubur, dalam erti bahawa mana-mana yang tidak disoal oleh malaikat tidak wajib dan tidak disyara'kan! Pada hal di sana juga tiada bukti dari mana-mana sumber aqidah Islam yang menunjukkan bahawa kedua-dua malaikat itu bertanyakan tentang hutang piutang dan janji-janji yang dibuat oleh seseorang, atau tentang jual beli yang dibuat secara tidak sah, atau muamalatnya yang tidak mengikut syara', atau tentang kecuaianya menjaga keluarga dan mendidik anak-anaknya, atau tentang masa yang dihabiskan untuk berhibur dan berpoya-poya. Apa yang diketahui ialah soalan malaikat itu adalah menyangkut keseluruhan prinsip Islam yang dikemukakan melalui beberapa potong soalan seperti yang tersebut keteranganannya di dalam buku-buku himpunan hadith. Patut juga dicatat bahawa tugas kedua-dua malaikat menyoal mayat di dalam kubur bukan merupakan tugas mahasabah terperinci dan syumul. Memadailah malaikat itu menanyakan kepada si mati tentang siapa nabinya, tanpa menanyakan mana-mana mazhab yang dikatakan menandingi Nabi Muhammad s.a.w.!

Sebenarnya, tidak wujud perbezaan di antara mazhab-mazhab imam yang empat dengan mazhab Zaid bin Thabit atau Mu'az bin Jabal atau Abdullah bin Abbas dalam memahami hukum-hukum Islam. Begitu juga, dalam perkara yang sama, tiada perbezaan antara empat imam mazhab ini dengan tokoh-tokoh ulama' mazhab pendapat akal (*الرأي*) di negeri Iraq atau dengan tokoh-tokoh mazhab hadith di tanah Hijaz yang tokohnya terdiri daripada para sahabat dan para tabi'in yang mempunyai ramai pengikut yang bertaqlid kepada mereka.

Keempat: Al-Khajindi telah memetik kata-kata Shah Waliyu'Llah al-Dahlawi di dalam buku *al-Insaf* bahawa “barangsiapa mengambil keseluruhan kata-kata Imam Abu Hanifah atau keseluruhan kata-kata Imam Malik atau keseluruhan kata-kata Imam Syafi'e atau keseluruhan kata-kata Imam Ahmad atau selain mereka, serta tidak berpegang kepada apa yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah, maka ia telah menyalahi ijma' umat seluruhnya dan telah mengikuti jalan orang-orang bukan mu'min.

Anehnya, dengan kutipan ini, al-Khajindi tidak menyedari bahawa kata-kata al-Dahlawi tersebut tidak sedikitpun menyentuh mengenai orang bertaqlid kerana tidak mampu berijtihad. Malahan, di dalam buku *al-Insaf* itu, juga di dalam buku-bukunya yang lain, Shah Waliyu'Llah al-Dahlawi cenderung menggalakkan bertaqlid bagi mereka yang tidak mampu berijtihad.

Misalnya pada halaman 124 – 125, al-Dahlawi menyatakan tiada halangan untuk beriltizam dengan seseorang imam tertentu. Katanya: “Tiada seorang pun boleh menolak kenyataan ini, pada hal amalan mendapatkan fatwa dan mengeluarkan fatwa telah berlaku di kalangan kaum muslimin sejak zaman Nabi s.a.w. lagi. Dan tiada beza, katanya, sama ada yang diminta fatwa itu daripada seseorang tertentu secara berkekalan, atau kadang-kadang daripada seseorang yang lain. Kita tidak menganggap seorang ahli fiqh yang diilhamkan Allah dengan ilmu fiqh dan diwajibkan kita mentaatinya itu sebagai seorang yang ma'sum. Jika kita berpandu kepadanya, maka itu ialah kerana kita mengetahui bahawa ia seorang yang ‘alim tentang kitab Allah dan sunnah RasulNya. Kata-katanya, sama ada dari kenyataan

kitab Allah dan al-Sunnah atau hukum yang disimpulkan daripada kedua-duanya, atau ia mengetahui qarinah bahawa hukum itu dalam bentuk yang dibuat dengan ‘illat serta hatinya menerima ma’rifat, lalu ia mengkiaskan mana yang tiada nas kepada yang ada nas. Seolah-olah ia berkata: Aku menyangka bahawa Rasulullah s.a.w. mengatakan pada setiap kali terdapat ‘illat maka hukumnya beginil! Barang yang dikiaskan itu termasuk di dalam keumuman ini, dan ianya juga dikembalikan kepada Nabi s.a.w., tetapi dengan mengikut jalan sangkaan. Jika tidak demikian, nescaya mu’mín itu tidak bertaqlid kepada orang yang berijtihad”.

Di sini ternyata al-Dahlawi memperkatakan tentang keharaman bertaqlid bagi mereka yang mampu berijtihad dalam sesuatu masalah dan hukum. Ianya tiada kaitan dengan keperluan bertaqlid bagi golongan yang tidak mempunyai kemampuan berijtihad. Dengan itu kata-kata al-Dahlawi ini tidak boleh dikaikatkan sebagai bukti atas keharaman bertaqlid atau keharaman beriltizam dengan mazhab tertentu bagi sesiapa yang tidak mampu berijtihad.

Kelima: Al-Khajindi juga mengemukakan kata-kata beberapa orang tokoh ulama’ ulung seperti al-‘Izz bin Abdul Salam, Ibn Qayyim dan al-Kamal bin al-Hamam, konon sebagai bukti bagi membenarkan dakwaannya tentang keharaman berpegang kepada mazhab tertentu, dengan setiap orang Islam wajib mengambil hukum secara langsung daripada al-Quran al-Karim dan al-Sunnah.

Cuma apa yang dikemukakan beliau itu tidak lengkap dan lebih banyak menimbulkan keraguan tentang ketulenan petikannya.

Al-'Izz bin Abdul Salam umpamanya bermazhab Syafi'e, Ibn Qayim bermazhab Hanbali, manakala al-Kamal bin al-Hamam pula bermazhab Hanafi. Masing-masing mereka berpegang kepada mazhab yang diikuti dan berpegang kepada tiga perkara yang tidak dipertikaikan seperti yang telah disebutkan terdahulu. Untuk lebih jelas di bawah ini dipeturunkan pendapat setiap mereka dalam masalah ini:

1. Didalam bukunya "قواعد الأحكام" (قواعد الأحكام), al-'Izz bin al-Salam antara lain berkata: "Tiada seorang pun harus bertaqlid kepada orang yang tidak disuruh supaya bertaqlid kepadanya, seperti ahli ijihad bertaqlid kepada ahli ijihad yang lain atau ahli ijihad bertaqlid kepada sahabat. Dalam hal ini para ulama' tidak sependapat. Kepada mereka yang menentang perkara ini dijawab dengan firman Allah Ta'ala: إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ. أَمْرُ أَنْ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ (tiada hukum melainkan kepunyaan Allah, Dia menyuruh kamu tidak mengabdikan diri melainkan kepadaNya). Terkecuali dalam perkara ini ialah orang awam, kerana tugas mereka ialah bertaqlid, disebabkan kelemahan mereka mengetahui hukum-hukum melalui ijihad. Ini berbeza daripada ahli-ahli ijihad yang mampu meneliti nas hingga sampai kepada penyimpulan hukum.

Barangsiapa bertaqlid kepada seseorang imam, kemudian ia mau bertaqlid kepada imam yang lain, bolehkah ia melakukannya? Di sini hendaklah dilihat dahulu secara terperinci. Andainya mazhab yang ia mau beralih kepadanya itu antara yang membatalkan hukum, maka ia tidak boleh berpindah kepada hukum yang dibatalkan itu semata-mata kerana kebatalannya. Jika hukum kedua-dua mazhab itu hampir serupa maka ia diharuskan bertaqlid dan berpindah mazhab kerana

sejak zaman para sahabat hingga ke zaman munculnya mazhab-mazhab yang empat, kaum muslimin dibenarkan bertaqlid dengan mana-mana ulama' yang sesuai dengannya tanpa bantahan. Jika perbuatan tersebut salah, maka tentulah ada yang menentang. Begitu juga tidak wajib bertaqlid kepada yang afdhal walaupun ia lebih utama, kerana jika wajib bertaqlid kepadanya nescaya orang ramai tidak bertaqlid kepada *fadhil* dan *mafdhul* pada zaman sahabat dan tabi'in. Orang fadhil tidak menyeru supaya orang ramai mengikutinya, dan tidak pula orang yang diafdhalkan itu menegah sesiapa yang bertanya kepadanya tentang kewujudan orang fadhil. Dan ini samasekali tidak diragui oleh orang yang berakal (قواعد الأحكام, Jilid II, halaman 135).

Kata-kata al-'Izz bin Abdul Salam RahmatulLahi Ta'ala ini jelas menunjukkan bahawa perbuatan bertaqlid kepada mana-mana ahli ijтиhad, khususnya bagi orang awam, adalah sesuatu yang wajib.

2. Manakala Ibn Qayyim pula, di dalam bukunya "علم الموقعين" antara lain berkata: "Sebutan secara terperinci mengenai taqlid dan pembahagiannya kepada yang mengharamkan perbincangan tentangnya dan berfatwa mengenainya, kepada yang wajib diikuti dan yang harus diikuti tanpa diwajibkan. Jenis yang pertama terbahagi kepada tiga bahagian: Pertama – menolak yang telah diturunkan Allah dan mengenepikannya serta berpuashati dengan bertaqlid kepada datuk nenek. Kedua – bertaqlid kepada mana-mana pihak tanpa diketahui oleh pentaqlid bahawa pihak yang ditaqlid itu layak diambil kata-katanya, dan ketiga – bertaqlid selepas timbul hujjah dan

dalil yang bertentangan dengan pendapat orang yang ditaqlid” (Hal. 168, Jilid III).

Kemudian Ibn Qayyim menghuraikan dengan panjang lebar bahaya dan keburukan bertaqlid secara haram dalam ketiga-tiga jenis tersebut, dengan keseluruhan huraiannya tidaklah terkeluar daripada ketiga-tiga jenis itu. Pembaca yang singkat pemikirannya mungkin membaca sebahagian huraian yang panjang lebar mengenai taqlid ini, tanpa merujuk kepada asal perbahasannya, lalu menyangka bahawa Ibn Qayyim menentang secara mutlak perbuatan bertaqlid. Pada hal Ibn Qayyim di dalam perbahasannya itu telah mengatakan “Jika dikata: Adalah dikeji orang yang bertaqlid kepada orang kafir dan datuk nenek yang tidak memahami apa-apa serta tidak mendapat hidayah, tetapi tidak pula dikeji orang yang bertaqlid kepada ulama’ yang mendapat hidayah, bahkan disuruh pula supaya bertanya kepada *ahli al-zikir*, iaitu golongan yang berilmu, dengan erti bertaqlid kepadanya, kerana Allah Ta’ala telah berfirman: فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ (maka hendaklah kamu bertanya kepada golongan berilmu jika kamu tidak mengetahui), maka dijawabkan bahawa Allah Ta’ala mengeji orang yang mengenepikan apa yang diturunkannya dan bertaqlid kepada datuk nenek. Taqlid seumpama ini disepakati oleh golongan salaf dan imam keempat-empat mazhab itu tentang kekejiannya dan keharamannya. Adapun bertaqlid kepada orang yang mengorbankan tenaganya di dalam mengikuti apa yang telah diturunkan Allah dengan sebahagian pengertian tersembunyi dari pengetahuannya, dan bertaqlid mengenainya kepada orang yang lebih mengetahui, maka taqlid seperti ini adalah dipuji serta diberi pahala”.

Selanjutnya Ibn Qayyim mengharuskan bertaqlid bagi orang yang tidak mencapai martabat ijihad serta memberikan ulasan berhubung dengan syarat-syarat berfatwa dan tatasusilanya,

merangkumi apa yang sesuai bagi orang awam dan bagi orang alim yang tidak mencapai martabat ijтиhad. Menurutnya, orang awam dan orang alim jenis ini hendaklah mengikuti imam yang boleh membimbangnya dan bertaqlid kepadanya dalam hukum-hukum halal dan haram, serta tidak harus mengeluarkan fatwa kepada orang ramai walaupun ia mempunyai banyak kitab hadith dan boleh mendapatkan sepotong hadith yang berkait dengan fatwanya (*إعلام الموقعين*, Jilid IV, hal. 175).

Apa yang nyata ialah, Ibn Qayyim di dalam bukunya itu tidak membayangkan samasekali akan keharaman bertaqlid dan beriltizam dengan mana-mana mazhab yang empat. Malah huraiannya mengenai syarat-syarat mengeluarkan fatwa dan tatasusilanya menguatkan lagi alasan bahawa orang jahil mestilah bertaqlid. Dalam hal ini bertaqlid kepada orang yang telah meninggal dunia adalah sama seperti bertaqlid kepada orang yang masih hidup, kerana fatwa tidak mati dengan kematian orang yang menuturkannya, manakala berpegang kepada kitab-kitab hadith itu sahaja tidak akan menjadikan orang yang bertaqlid itu ahli ijтиhad.

Ibn Qayyim juga tidak menyebut bahawa bertaqlid kepada mana-mana imam mazhab yang empat itu adalah bertaqlid kepada yang tidak ma'sum, manakala bertaqlid kepada Rasulullah itu bertaqlid kepada yang ma'sum. Selain itu beliau juga tidak pernah menyatakan bahawa tidak harus bagi sesiapa mengambil hukum melainkan daripada yang ma'sum.

Malangnya al-Khajindi di dalam dakwaannya telah berpegang kepada kata-kata Ibn Qayyim yang berbunyi "...bahkan orang awam tidak sah mempunyai sesuatu mazhab walaupun ia bermazhab dengannya. Oleh itu orang awam tidak bermazhab meskipun ia berkata: Aku bermazhab Syafi'e atau bermazhab

Hanafi atau bermazhab Maliki atau sebagainya, namun ia tetap tidak bermazhab di sebalik kata-katanya itu”.

Gagasan Ibn Qayyim ini perlu dihuraikan maksudnya bagi mengelak kekeliruan faham. Kata-kata ini bukan bermaksud menolak taqlid dan mewajibkan orang ramai agar mengambil hukum daripada al-Quran al-Karim dan al-Sunnah secara langsung. Sebaliknya, maksud Ibn Qayyim ialah sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan para ulama’, iaitu apabila orang awam menemui seorang mufti bagi mendapatkan fatwanya dalam sesuatu masalah, maka ia hendaklah mengambil fatwanya itu tanpa harus memintanya memberikan fatwa dalam mazhab tertentu berhubung masalah tersebut. Ini ialah kerana mufti itu seorang ahli ijтиhad. Jika tidak, maka tentulah ia tidak dinamakan mufti atau tidak layak berjawatan mufti. Fatwa ahli ijтиhad adalah hasil ijтиhadnya dan ia tidak boleh bertaqlid kepada ahli ijтиhad lain dalam masalah berkenaan. Orang awam boleh menanyakan kepada ahli ijтиhad mengenai pendapat Imam Syafi’e dalam masalahnya dan ahli ijтиhad itu boleh memberitahu kepadanya apa-apa yang disebutkan oleh Imam Syafi’e mengenainya berdasar kepada periyawatan – bukan fatwa. Adapun orang awam yang meminta ahli ijтиhad supaya memberikan fatwa mengikut mazhab imamnya, maka ini tidak boleh dilakukan oleh ahli ijтиhad itu. Ungkapan yang sesuai bagi membayangkan pengertian ini ialah kata-kata para ulama’ bahawa “mazhab orang awam ialah mazhab muftinya”. Dalam hal ini orang awam tidak mempunyai mazhab tertentu!

Apabila seseorang awam tidak menemui mufti untuk mendapatkan fatwa dalam sesuatu masalah, sebaliknya yang ditemuinya ialah para ulama’ yang bertaqlid dan beriltizam dengan sesuatu mazhab tertentu, atau yang ditemuinya ialah mufti pada namanya sahaja, maka dalam hal ini kaedah “mazhab

orang awam ialah mazhab muftinya” tidak boleh dipraktikkan samasekali kerana tidak ada mufti dalam erti kata yang sebenar baginya. Pada waktu ini ia hendaklah mendapatkan fatwa daripada ahli ijтиhad golongan salaf. Berdasarkan apa yang telah ditegaskan oleh para ulama’, termasuk Ibn Qayyim, bahawa kata-kata itu tidak mati dengan kematian penuturnya, maka adalah tidak salah jika orang yang hidup bertaqlid kepada ahli ijтиhad yang telah meninggal dunia.

Para ulama’ bersepakat mengatakan bahawa imam-imam mazhab yang empat itu merupakan antara ahli ijтиhad golongan salaf yang terkemuka. Mazhab-mazhab mereka telah teruji, dipakai, dibukukan dan mengandungi faktor-faktor yang meyakinkan tentang kesahihan sandarannya. Dalam hal ini orang awam bolehlah menanyakan mengenai masalah agama kepada para ulama’ dan faqaha’ mazhab-mazhab berkenaan, atau mempelajari kitab-kitabnya jika ia mampu. Kemudian, ia hendaklah beriltizam dengan salah seorang daripada mereka dalam setiap masalah dan hukum. Di samping itu, ia boleh juga berpindah dari satu mazhab kepada mazhab yang lain mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syara’. Meskipun demikian orang awam itu pada hakikatnya masih tidak terkeluar daripada kaedah “mazhab orang awam ialah mazhab muftinya”, kerana apabila ia tidak menemui seorang mufti di sekitarnya atau terpaksa mendapatkan fatwa mazhab Syafi’e umpamanya, maka mazhabnya ketika itu ialah mazhab Syafi’e mengikut kaedah tersebut.

Demikianlah sebenarnya apa yang dapat difahami daripada kata-kata Ibn Qayyim dan ini boleh ditemui secara terperinci dalam kitab-kitab usul al-fiqh dalam bab ijтиhad.

Sementara itu, pendapat al-Kamal bin al-Hamam dalam bukunya mengenai perkara ini telah dihuraikan oleh Ibn Amir al-Haj dalam kitabnya "السقراير والتحبير في شرح التحرير", iaitu bahawa kaum muslimin ada kalanya meminta fatwa daripada mufti-mufti yang berlainan tanpa beriltizam dengan seseorang mufti tertentu. Ada juga pihak yang mengatakan ia wajib beriltizam dengan sesuatu mazhab tertentu seperti mazhab Abu Hanifah atau mazhab Imam Syafi'e, sebagaimana ada pula pihak yang berpendapat bahawa ia tidak wajib beriltizam. Ini ialah pendapat jamhur ulama', kerana apa-apa yang wajib ialah mana-mana yang diwajibkan oleh Allah Ta'ala. Dalam hal ini, apa yang diwajibkan Allah Ta'ala ke atas orang yang jahil ialah bertaqlid kepada orang alim ahli ijтиhad, dan tidak wajib beriltizam dengan seseorang ahli ijтиhad buat selama-lamaya (halaman 350 , Jilid III). Pendapat ini sama persis dengan yang disebutkan oleh Ibn Qayyim dan tidak seperti yang disebutkan oleh al-Khajindi.

Keenam: Al-Khajindi mendakwa kemunculan mazhab-mazhab yang empat itu berpunca daripada pergolakan politik yang sengit dan penguasaan bukan Arab ke atas tumpuk pemerintahan Islam. Beliau mengatakan sumber dakwaannya ialah *Muqaddimah* Ibn Khaldun!

Malangnya, tinjauan ke atas kitab *Muqaddimah* berhubung dengan kemunculan mazhab-mazhab tersebut tidak menemukan sebarang kenyataan yang menunjukkan kebenaran dakwaan al-Khajindi itu. Dalam manuskrip Bullaq halaman 216, Ibn Khaldun di dalam *Muqaddimahnya* itu telah menyebut kemunculan ilmu fiqh dan mazhab-mazhabnya dengan berkata: ".....bukan semua para sahabat itu ahli fatwa, dan agama tidak diambil semuanya daripada mereka, tetapi hanya dari kalangan mereka yang ahli di bidang al-Quran, mengetahui nasikh dan mansukhnya,

mengetahui tentang pengertiannya yang samar-samar dan yang tepat, serta apa-apa pengertian yang mereka terima secara langsung daripada Nabi s.a.w. atau daripada sesiapa yang telah mendengar daripada Rasulullah s.a.w. dari kalangan mereka. Kerana itulah mereka dinamakan golongan Qurra'. Begitulah keadaannya pada zaman permulaan Islam. Kemudian, apabila jajahan Islam bertambah meluas dan fenomena buta huruf pupus dari kalangan orang Arab disebabkan adanya penulisan serta kemampuan menyimpulkan hukum-hukum, serta fiqh pun telah lengkap menjadi suatu ilmu, mereka bertukar nama kepada fuqaha' dan ulama'. Perkembangan kemudian menyaksikan fiqh terbahagi kepada dua: fiqh mengikut jalan ahli pendapat dan qias iaitulah ulama' Iraq, dan fiqh mengikut jalan ahli hadith iaitulah ulama' Hijaz. Hadith tidak banyak di Iraq seperti yang telah kami sebutkan. Sebab itulah para ulamanya banyak menggunakan qias dan dikenal mahir dalam bidang tersebut. Mereka itulah dinamakan *Ahli al-Ra'y*, dengan pelopor jama'ah mereka ialah Abu Hanifah al-Nu'man. Mengetuai ulama' Hijaz pula ialah Malik bin Anas dan selepasnya Syafi'e. Ada juga segolongan ulama' yang menolak qias dan membatalkan penggunaannya. Mereka ialah golongan Zahiriyyah yang hanya menjadikan nas dan ijma' sebagai sumber hukum. Pelopor mazhab ini ialah Daud bin Ali dan anaknya serta rakan bagi kedua-duanya. Mazhab-mazhab ini pada masa itu merupakan antara mazhab-mazhab yang masyhur di kalangan umat Islam".

Kata-kata Ibn Khaldun di atas, juga pernyataannya mengenai pelopor-pelopor mazhab yang empat di tempat-tempat lain, tidak sedikitpun mengandungi apa yang didakwa oleh al-Khajindi tersebut!

Ketujuh: Generasi sebelum kemunculan mazhab-mazhab itu mengutamakan firman Allah Ta'ala dan Sunnah RasulNya serta athar para sahabat. Semua mereka mengikut hidayah, dan tidak ada yang sesat kerana berpegang terus kepada al-Quran dan al-Sunnah serta fatwa para sahabat, tanpa berpegang kepada pendapat dan fatwa para imam mazhab yang empat.

Ibn Khaldun di dalam *Muqaddimahnya* telah menegaskan bahawa bukan semua para sahabat itu ahli di bidang fatwa, dan agama tidak diambil semuanya daripada mereka. Sebaliknya, ianya adalah khusus di kalangan ahli al-Quran yang mengetahui nasikh dan mansukhnya, mengetahui pengertiannya yang samsamar dan yang tepat, serta mengetahui segala dalilnya.

Andainya bilangan para sahabat yang ahli dan ahli ijтиhad ini terbatas dan terhad kepada segolongan kecil sahaja, sementara para sahabat selebihnya tidak mencapai martabat tersebut, maka sudah tentulah para sahabat majoriti itu memperolehi agama mereka daripada para sahabat minoriti yang ahli di bidang ijтиhad dan penyimpulan hukum-hukum. Ertinya, ini jelas bahawa mereka bertaqlid! Demikian juga orang awam pada zaman para sahabat yang bertaqlid kepada mana-mana sahabat yang terkenal di bidang fatwa dan ijтиhad. Pada zaman para tabi'in juga berlaku hal sedemikian, juga pada zaman-zaman berikutnya. Keadaan yang sama terus berlaku, sehingga ke zaman Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'e dan Imam Ahmad bin Hanbal apabila orang awam bertaqlid kepada masing-masing mereka sebagaimana yang dilakukan oleh orang awam sebelum zaman-zaman tersebut. Keadaan ini juga sama seperti apa yang dilakukan oleh orang awam dari kalangan para

sahabat yang bertaqlid kepada mujtahid zamannya seperti Ibn Abbas, Ibn Mas'ud, Zaid bin Thabit dan para Khulafa' al-Rasyidin.

Pada zaman para tabi'in, terdapat dua mazhab yang terkenal iaitu mazhab al-Hadith di Hijaz dan mazhab al-Ra'y i di negeri Iraq. Penduduk di Hijaz bertaqlid kepada mazhab al-Hadith dan penduduk di negeri Iraq bertaqlid kepada mazhab al-Ra'y, dengan masing-masing mazhab ada imam-imam dan pelopor-pelopornya. Ini merupakan fakta sejarah manusia dan sejarah tasyri' yang tidak boleh dinafikan, dan ini tak dapat tidak menunjukkan bahawa bertaqlid dengan mana-mana mazhab yang empat itu bukan perbuatan bid'ah dan sesat!

[III]

Taqlid Adalah Suatu Keharusan dan Tak Dapat Dielakkan

Taqlid ertinya ialah “menurut” atau “mengikut” kata-kata seseorang tanpa perlu kepada hujjah atau alasan atas kesahihan kata-kata itu. Orang yang bertaqlid mungkin mengetahui kesahihan taqlidnya kepada seorang alim ahli ijтиhad, tetapi tidak mengetahui hujjah atas apa yang ditaqlidnya.

Tiada sebarang perbezaan antara pengertian “taqlid” dengan pengertian “ikutan”. Allah Ta’ala menggambarkan *taqlid* dan *ikutan* dengan firmannya:

إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ أَتَبْعُوا مِنَ الَّذِينَ أَتَبْعُوا وَرَأَوْا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ
وَقَالَ الَّذِينَ أَتَبْعُوا لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأُ
مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّءُوا مِنَ

(Surah al-Baqarah: ayat 166 - 167)

Maksudnya lebih kurang: *Ketika itu orang yang diikut berlepas tangan daripada orang-orang yang mengikut, kerana mereka melihat seksaan, dan terputuslah hubungan antara mereka. Orang-orang yang mengikut berkata: Sekiranya kami dapat kembali semula ke dunia, nescaya kami berlepas tangan daripada mereka sebagaimana mereka berlepas tangan daripada kami*".

Tidak syak lagi maksud ikutan di sini ialah taqlid secara buta tuli yang tidak disyara'kan.

Dalil taqlid yang disyara'kan dan wajib dilakukan ketika tidak mampu berijtihad terdapat dalam beberapa aspek. Perlu diingatkan bahawa taqlid yang diperkatakan di sini ialah apa-apa yang berhubung dengan hukum-hukum furu'. Adapun pada perkara-perkara i'tiqad yang berkenaan dengan fundamental agama, maka orang tidak harus bertaqlid menurut ijtihad ulama'.

Aspek pertama: ialah firman Allah Ta'alaa;

فَسْعَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ
٤٣

(Surah al-Nahl: ayat 43), dan surah al-Anbiyaa', ayat: 7). Maksudnya lebih kurang: "Maka kamu tanyalah أهل الذكر iaitu orang yang mengetahui, tentang kitab Allah jika kamu tidak tau". Para ulama' mengatakan ayat ini ialah perintah kepada sesiapa yang tidak mengetahui hukum dan dalil supaya mengikuti sesiapa yang mengetahuinya. Para ulama' usuluddin menjadikan ayat ini sebagai pegangan bagi membuktikan bahawa orang awam yang tidak mampu berijtihad wajib bertaqlid kepada orang alim ahli ijtihad.

Dalil yang sama juga terdapat dalam firman Allah Ta'ala:

* وَمَا كَارَ الْمُؤْمِنُونَ لِيُنَفِّرُوا كَافَةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ

مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلَيُنِذِّرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ

لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

(Surah al-Taubah ayat: 122).

Maksudnya lebih kurang: *Tidak sepatutnya orang yang beriman berangkat semuanya ke medan perang. Mengapa tidak berangkat satu rombongan dari setiap golongan itu untuk mempelajari perkara agama supaya dapat memberi peringatan kepada kaumnya bila telah kembali kepada mereka, semoga mereka berjaga-jaga.*

Melalui ayat ini Allah Ta'ala melarang kaum muslimin berangkat seluruhnya untuk berperang jihad, sebaliknya menyuruh segolongan daripada mereka agar bertumpu di bidang pengajaran agama Allah sehingga apabila saudara mereka kembali kelak, mereka dapat ada di kalangan mereka orang yang boleh mengeluarkan fatwa dalam perkara halal dan haram serta menerangkan hukum-hukum Allah 'Azza wa Jalla.

Aspek kedua: Ialah ijma' ulama' yang mengatakan bahawa para sahabat Rasulullah s.a.w. berbeza dalam ilmu pengetahuan mereka. Bukan semua mereka mampu berfatwa seperti yang disebutkan oleh Ibn Khaldun: *Agama tidak diambil daripada mereka semua kerana hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang mampu mengeluarkan fatwa, manakala majoriti daripada mereka merupakan golongan yang mendapatkan fatwa dan bertaqlid.* Di samping itu, di kalangan sahabat yang memberi fatwa,

mereka tidak pula beriltizam dengan menyertakan dalil-dalil bagi sesuatu hukum yang difatwakannya. Rasulullah s.a.w. telah mengutus ahli fiqh di kalangan para sahabat ke kawasan-kawasan di mana penduduknya hanya mengetahui aqidah Islam dan beriman dengan rukun-rukunnya sahaja. Para penduduk ini melakukan amalan-amalan ibadah dan muamalah serta segala perkara halal dan haram mengikut apa yang difatwakan kepada mereka oleh utusan-utusan Rasulullah s.a.w. Dalam hal ini mereka mungkin tidak menemui dalil bagi sesuatu perkara di dalam al-Quran dan al-Sunnah, lalu mereka (sahabat-sahabat itu) berijtihad mengenainya dan memberikan fatwanya mengikut apa yang telah dihasilkan oleh ijtihadnya, dengan para penduduk itu bertaqlid kepadanya.

Al-Amidi di dalam bukunya *al-Ihkam* menegaskan bahawa orang ramai pada zaman sahabat dan tabi'in, telah mendapatkan fatwa daripada para ahli ijtihad dan mengikuti mereka dalam hukum-hukum syara'. Para ulama' menjawab pertanyaan mereka tanpa sebarang bantahan. Dalam hal ini ijma' mengharuskan orang awam mengikut ahli ijtihad secara mutlak (الْإِحْكَامُ oleh al-Amidi, Jilid III, halaman 171).

Sejatinya, bilangan para sahabat yang terkemuka di bidang fatwa adalah terbatas. Di kalangan para sahabat ada mereka yang dikenal sebagai ahli fiqh, ahli riwayat (rawi) hadith dan mereka yang berkemampuan menyimpulkan hukum-hukum. Yang masyhur di kalangan mereka ialah Khulafa' Rashidun berempat, Abdullah bin Mas'ud, Abu Musa al-Ash'ari, Mu'az bin Jabal, Ubay bin Ka'ab dan Zaid bin Thabit. Bilangan para sahabat yang bertaqlid kepada mereka tidak terkira banyaknya.

Pada zaman Tabi'in, bidang ijтиhad semakin meluas. Kaum muslimin pada zaman tersebut mengikuti jalan yang sama seperti yang diikuti pada zaman sahabat Rasulullah s.a.w., kecuali ijтиhad pada masa itu berwujud dalam dua bentuk atau dua mazhab iaitu Mazhab al-Ra'yi dan Mazhab Hadith. Pelopor mazhab al-Ra'yi di Iraq ialah 'Alqamah bin Qais al-Nakha'i , Masruq bin al-Ajda' al-Hamadani, Ibrahim bin Zaid al-Nakha'i dan Sa'id bin Jubair. Orang ramai di negeri Iraq dan sekitarnya bertaqlid kepada mazhab ini tanpa sebarang bantahan.

Manakala pelopor Mazhab Hadith di negeri Hijaz pula ialah Sa'id bin al-Musayyib al-Makhzumi, Urwah bin al-Zubair, Salim bin Abdullah bin Umar, Sulaiman bin Yasar dan Nafi'maula Abdullah bin Umar. Sebagaimana di Iraq, orang ramai di Hijaz dan sekitarnya bertaqlid kepada mazhab ini, juga tanpa sebarang bantahan.

Di antara pelopor kedua-dua mazhab ini kadang-kadang berlaku perbincangan dan pertikaian pendapat, tetapi orang ramai dan kaum terpelajar yang kurang berilmu dan kurang pengetahuan dari segi fiqh, tidak mengambil berat tentang pertikaian tersebut kerana mereka bertaqlid kepada sesiapa yang mereka mau atau kepada mana yang lebih hampir dengan mereka, tanpa memperlihatkan sebarang keganjilan dan bantahan. Perbincangan di kalangan para ahli ijтиhad itu tidak menjelaskan ikutan atau tanggungjawab golongan jahil terhadap hukum-hukum itu.

Aspek ketiga: Dalil akal yang jelas nyata sebagaimana kata-kata oleh al-'Allamah Syeikh Abdullah Darraz dalam ulasannya mengenai kitab *al-Muafaqat* oleh al-Syatibi iaitu "barangsiapa yang tidak mempunyai kelayakan berijтиhad, apabila berlaku sesuatu kejadian sampingan – bukan pokok, jika ia tidak

berta'abbud dengan sesuatu pada asalnya, maka ini adalah bertentangan dengan ijтиhad. Tetapi jika ia berta'abbud dengan sesuatu, maka ia berhadapan dengan dua hal; sama ada ia meneliti dalil yang pasti bagi sesuatu hukum atau ia bertaqlid. Maka yang pertama itu tertegah, kerana jika ia berbuat demikian, maka ini akan menyebabkannya terpaksa meninggalkan hal ehwal kehidupan, melumpuhkan kerjaya dan usaha, serta menghalang kesuburan beranak pinak dan menyulitkan seluruh kehidupan, semata-mata kerana mau mengenepikan taqlid. Oleh yang demikian, maka tiada jalan lain selain daripada bertaqlid dan inilah yang dipegang dalam keadaan demikian” (الموافقات Jilid 4, halaman 22).

Apabila terdapat dalil-dalil yang sepadu daripada al-Quran, al-Sunnah dan akal, pada hal orang awam atau orang alim yang tidak sampai ke darjah penyimpulan hukum dan ijтиhad yang amat arif, maka para ulama' mengatakan bahawa fatwa ahli ijтиhad itu, bagi orang awam, adalah seumpama dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah bagi ahli ijтиhad, kerana al-Quran memastikan orang alim berpegang kepada dalil-dalil dan buktinya sekaligus ia juga memastikan orang jahil berpegang kepada fatwa orang alim dan hasil ijтиhadnya. Hal ini diterangkan oleh al-Syatibi dengan katanya: Fatwa golongan ahli ijтиhad bagi orang awam adalah seperti dalil syara' bagi golongan ahli ijтиhad. Buktinya ialah sama ada wujud atau tidak wujud dalil, ia sama sahaja bagi golongan orang yang bertaqlid apabila mereka tidak mendapat sebarang faedah daripadanya.

Meneliti dalil dan menyimpulkan hukum bukan tugas mereka, malah tidak harus mereka lakukan sama sekali. Dalam hal ini Allah Ta'ala telah berfirman:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٦﴾

(Surah al-Nahl ayat:43 dan surah al-Anbiyaa' ayat 7).

Maksud lebih kurang: *Kamu tanyalah أهل الذكر, Jika kamu tidak mengetahui*). Orang yang bertaqlid ialah orang yang tidak mengetahui dan ia bertindak betul apabila ia bertanya kepada *أهل الذكر* itulah rujukannya dalam hukum agama secara mutlak. Dengan itu *أهل الذكر* adalah mengambil tempat syara' dan kata-kata mereka merupakan kata-kata syara' oleh al-Syatibi, Jilid 4, halaman 290 -292).

Melalui bukti-bukti yang telah disebutkan, jelas bahawa syara' mengharuskan, malah mewajibkan bertaqlid bagi golongan yang tidak mencapai darjah mampu menyimpulkan hukum-hukum dan berijtihad. Tiada sebarang perbezaan yang terdapat antara ahli ijтиhad dari kalangan para sahabat yang bertaqlid atau dari kalangan tabi'in pelopor-pelopor mazhab al-Ra'yi dan mazhab Hadith, atau dari kalangan imam pelopor mazhab yang empat, selagi kesemua mereka merupakan ahli ijтиhad, dengan yang bertaqlid itu ialah pihak yang jahil tentang cara-cara mendapatkan dalil dan menyimpulkan hukum!

Kemunculan mazhab-mazhab berempat bukan suatu bid'ah, dan para pengikut mazhab-mazhab tersebut bukan pengikut-pengikut bid'ah! Sebagaimana kemunculan mazhab al-Ra'yi di Iraq dan mazhab Hadith di Hijaz bukan bid'ah, maka begitu jugalah halnya dengan kemunculan mazhab-mazhab yang empat itu.

Pembaharuan yang dilakukan oleh para imam mazhab yang empat itu ialah dari segi penyusunan dan pembukuan hadith dan fiqh daripada satu segi dan meletakkan asas serta peraturan penyimpulan hukum dan perbahasan-perbahasan dari satu segi yang lain. Hasilnya ialah berlaku pengenduran ketegangan dalam perselisihan antara para ulama' mazhab al-Ra'yi dengan ulama'

mazhab Hadith sebagaimana yang telah berlaku sebelumnya. Kedua-dua belah pihak telah berdamai dan bertahkim kepada neraca pertimbangan baru dengan bersandar kepada dalil-dalil al-Quran, al-Sunnah dan ijma'. Dengan demikian, kedudukan mazhab-mazhab yang empat itu menjadi semakin kukuh dan mantap, ajaran-ajaran pokok dan cabang-cabangnya dibukukan dan para ulama' terus memelihara, menepis dan mengujinya dari semasa ke semasa. Inilah rahsia kenapa mazhab-mazhab berempat itu berpanjangan. Buku-bukunya tersebar luas dengan para ulama' di sepanjang zaman mempertahankannya, di samping bersepakat mengatakan bahawa seorang alim yang memahami kehendak sesuatu hukum dan dalilnya serta mampu menyimpul hukum-hukum dan membuat penyelidikan bagi meyakini kesahihan fahaman dan pengetahuannya, tidak patut bertaqlid kepada mana-mana imam mazhab berempat dalam hukum tersebut!

Tidak haram beriltizam dengan mazhab tertentu

Apabila seseorang yang jahil bertanya kepada *ahli al-Zikr* mengenai sesuatu masalah serta mengamalkan fatwanya, maka bererti ia telah mempraktikkan perintah Allah Ta'ala فَسْأَلُوا أهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ tanpa mengira sama ada ia beriltizam atau tidak beriltizam dengan seorang imam sahaja dari kalangan *ahli al-Zikr* itu.

Jika ia ber'i'tiqad wajib beriltizam dengan imam yang satu tanpa bertukar kepada yang lain, maka i'tiqadnya itu salah! Andainya ia i'tiqadkannya sebagai suatu hukum Allah dan ia tidak mengikut imam ahli ijtihad yang mungkin tersilap dalam ijtihadnya, maka ia dianggap berdosa. Sebaliknya jika ia ber'i'tiqad wajib beriltizam dengan menukar imamnya setiap hari atau dari semasa ke semasa maka ia juga dianggap salah.

Seseorang pentaqlid (*muqallid*) hendaklah menyedari bahawa kewajipannya mengikut seseorang ahli ijтиhad adalah dalam perkara yang ia tidak mampu memahaminya daripada dalil-dalil yang asal, dan Allah Ta’ala tidak memikulkannya lebih daripada itu sama ada ia iltizam dengan bertukar-tukar imam atau iltizam dengan berpegang kepada seseorang imam selama-lamanya. Para ulama’ dan para imam mazhab bersepakat dalam hal ini. Di antara dalil-dalilnya ialah:

Pertama: Mewajibkan beriltizam dengan imam yang satu atau beriltizam dengan bertukar-tukar imam itu adalah tambahan kepada hukum yang asal, iaitu hukum wajib mengikut dan bertaqlid. Beriltizam dan tidak beriltizam tiada dalil. Setiap syarat yang ditambah pada pengertian dalil wajib mengikut dan bertaqlid adalah suatu pembaharuan dan rekaan yang batil dan tidak diambil kira. Rasulullah s.a.w. ada bersabda: كُلَّ شَرْطٍ لَيْسَ فِي كِتَابِ اللَّهِ فَهُوَ دَارٌ وَإِنْ كَانَ مَا نَهَا شَرْطٌ Ertinya: “Setiap syarat yang tidak ada di dalam kitab Allah, maka ianya ditolak, walaupun seratus syarat”

Al-Syaikhah meriwayatkan dari Sayidatina ‘Aisyah, Umm al-Mu’minin, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda dengan pengertian yang hampir sama:

مَا بَالْ رَجُلٍ يَشْتَرِطُونَ شَرْطًا لَيْسَ فِي كِتَابِ اللَّهِ، مَا كَانَ مِنْ شَرْطٍ
لَيْسَ فِي كِتَابِ اللَّهِ فَهُوَ باطِلٌ وَإِنْ كَانَ مَا نَهَا شَرْطٌ

Ertinya: Apa halnya orang memberikan syarat-syarat yang tidak terdapat di dalam kitab Allah. Mana-mana syarat yang tidak terdapat di dalam kitab Allah adalah batil walaupun seratus syarat.

Orang bertaqlid yang mengi’tiqad bahawa ia wajib beriltizam dengan seorang imam yang ditaqlidnya itu sahaja, atau ia mengi’tiqad wajib beriltizam dengan menukar daripada seorang

imam kepada seorang imam yang lain dari semasa ke semasa, maka i'tiqadnya itu adalah salah kerana tidak terdapat sebarang nas syara' yang menyuruh ia berbuat demikian. Orang ini perlu diperingatkan supaya kembali kepada kebenaran.

Kedua: Di sana terdapat sepuluh jenis qira'at atau bacaan al-Quran yang diriwayatkan secara mutawatir daripada Rasulullah s.a.w., dengan setiap jenis bacaan dipopularkan oleh imam tertentu yang meriwayatkannya, membacanya dan membacakannya kepada orang ramai serta mempunyai murid-murid yang ramai. Seseorang muslim tidak ditegah membaca al-Quran dengan mana-mana jenis bacaan tersebut. Ini bererti bahawa ia tidak diwajibkan beriltizam dengan jenis bacaan yang satu dan tertentu sahaja.

Dalam hal ini kita tidak menemui sebarang perbezaan antara pengikut-pengikut para imam fiqh dalam hal-hal agama yang bukan pokok dengan pengikut-pengikut para imam di bidang qira'at dalam pembacaan al-Quran. Sebagaimana tiada sebarang dalil yang membuktikan wajib beriltizam atau tidak beriltizam dengan mana-mana imam qira'at, maka begitu jugalah tiada sebarang dalil yang membuktikan kita wajib beriltizam atau tidak beriltizam dengan mana-mana mazhab yang empat itu! Hukum kedua-duanya adalah sama.

Ketiga: Selepas zaman para sahabat dan zaman para tabi'in, tiba pula zaman para imam mazhab yang empat dan zaman-zaman yang menyusul selepasnya. Di sepanjang zaman-zaman tersebut, tidak kedengaran mana-mana pihak yang mengingatkan golongan yang bertaqlid agar supaya beriltizam dengan seseorang imam atau mufti tertentu. Begitu juga tidak kedengaran kalangan-kalangan tertentu yang menyeru orang ramai supaya berpindah-pindah taqlid di antara imam-imam

dan mendapatkan fatwa daripada semua mereka atau bertaqlid kepada seseorang imam untuk suatu masa tertentu sahaja!

Fakta sejarah menunjukkan bahawa seorang khalifah akan mengumumkan nama imam yang ditugaskan mengeluarkan fatwa, serta mengarahkan penduduk negerinya merujuk kepada imam tersebut dalam perkara yang mau ditanyakan dan mematuhiinya dalam hal ehwal agama mereka. Mungkin mufti itu mengeluarkan fatwa kepada orang ramai bagi mengelakkan kekeliruan dan percanggahan di antara fatwa-fatwa yang berlainan.

‘Atha’ bin Abu Rabah dan Mujahid memikul tanggungjawab berfatwa di Makkah. Wakil khalifah mengumumkan hanya kedua-dua mereka sahaja yang boleh mengeluarkan fatwa (شذرات الذهب), oleh Ibn al-‘Ibad, Jilid 1, halaman 148). Dengan demikian, penduduk Makkah telah beriltizam dengan mazhab kedua-duanya untuk suatu tempoh yang lama. ‘Atha’, Mujahid dan imam-imam yang lain tidak membantah khalifah dalam perkara ini dan tidak melarang sesiapa beriltizam dengan mazhab yang satu.

Di negeri Iraq, penduduknya telah beriltizam dengan mazhab Abdullah bin Mas’ud sama ada secara langsung atau melalui murid-muridnya untuk suatu tempoh yang lama. Namun demikian, tiada mana-mana ulama’ yang menyalahkan keiltizaman ini. Begitu juga penduduk Hijaz yang telah beriltizam dengan mazhab Hadith yang dipelopori oleh Abdullah bin Umar dan murid-muridnya serta rakan-rakannya, namun tiada ilmuan yang menentang perbuatan ini.

Jutaan manusia terdiri daripada orang awam, kaum terpelajar dan para fuqaha’ berpegang kepada mana-mana mazhab yang empat berdasar kepada mana yang mudah atau kepada mana

yang terdapat di negerinya masing-masing, atau kepada mana yang hampir dengan kediaman mereka. Sementara kitab-kitab thabaqat mencatatkan beribu-ribu nama para pemuka mazhab-mazhab itu seperti *Thabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra* oleh al-Subki, *Thabaqat al-Hanabilah* oleh Ibn Rajab, *Thabaqat al-Malikiyyah* oleh Burhanudin al-Madani dan *Thabaqat al-Hanafiyah* oleh al-Hafidz al-Qurashi. Tiada seorang pun dari kalangan para ulama' ini yang mengatakan orang yang bertaqlid tidak harus beriltizam dengan satu mazhab. Imam al-Zahabi Rahmatu'Llahi Ta'ala telah memperkatakan tentang para fuqaha' yang beriltizam dengan mazhab-mazhab mereka dengan beliau memuji dan menyanjung mereka serta memberi sokongan kepada mereka selagi tiada seorang pun dari kalangan mereka bersikap ta'sub dan fanatik terhadap mazhabnya masing-masing dengan menganggapkan bahawa mazhabnya lebih afdhal. Katanya: Janganlah anda beritiqad bahawa mazhab anda itu mazhab yang afdhal dan paling digemari oleh Allah Ta'ala, kerana anda tidak mempunyai dalil mengenainya. Begitu juga halnya orang yang bertentangan dengan mazhab anda. Bahkan para imam mazhab r.a semuanya telah melakukan kebajikan yang banyak. Ketepatan mereka dalam setiap masalah itu diberi pahala dan kesilapan mereka diberi satu pahala (زنل العلم والطلب, halaman 14, 15 dan 16).

Demikianlah bahawa beriltizam dengan mazhab tertentu tanpa berpindah kepada mazhab yang lain tiak membahayakan i'tiqad, tidak berdosa dan tidak salah, selagi seseorang itu tidak ta'sub dan mengitiqadkan bahawa Allah Ta'ala mentaklifkannya dengan keiltizaman itu.

Bertaqlid dan berpegang kepada mazhab

Seperti yang telah diterangkan, setiap orang Islam yang tidak mencapai darjah ijtihad perlu bertaqlid kepada seseorang ahli ijtihad, sama ada ia beriltizam dengannya atau tidak.

Sejak zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke hari ini, kaum muslimin menyedari bahawa syari'ah Allah itu sahajalah yang menjadi hukum bagi seluruh umat manusia, dan sebagai pedoman serta asas bagi tingkahlaku mereka. Namun begitu mereka adalah berbeza dalam tingkat ilmu pengetahuan, khususnya mengenai hukum-hukum syari'at Islam. Perbezaan ini merupakan sebahagian daripada hikmah Allah dan sunnah ciptaanNya. Di sebalik perbezaan ini, manusia seluruhnya diwajibkan untuk tunduk kepada syari'at Allah dan undang-undangnya. Ini bererti orang yang jahil wajib mengikuti orang yang alim, manakala orang yang alim hendaklah merujuk kepada orang yang lebih alim daripadanya, agar semuanya mengikut jalan yang satu, iaitulah jalan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Imam al-Syatibi menegaskan bahawa orang Islam yang ditaklifkan dengan hukum-hukum syara' itu terdiri daripada tiga golongan:

Pertama: Golongan ahli ijihad (mujtahid) yang mampu berijihad dan menghasilkan hukum.

Kedua: Golongan pantaqlid (muqallid) yang memerlukan bimbingan dan mendapatkan hukum daripada ahli ijihad.

Ketiga: Golongan yang tidak dianggap ahli ijihad tetapi berkemampuan memahami dalil-dalil dan kedudukannya, yang membolehkan mereka mentarjih dengan alasan-alasan yang menasabah. Dalam hal ini tarjihnya itu layak dipertimbangkan. Andainya boleh diterima, maka ia dianggap ahli ijihad dalam masalah-masalah tertentu itu. Jika tidak, maka ia dikategorikan sebagai orang awam

yang mengikut ahli ijtihad (الأَعْتَصَامِ، جلد 3، halaman 250).

Di sana terdapat dua situasi di mana orang yang bertaqlid itu wajib berhenti daripada bertaqlid:

Pertama: Apabila pentaqlid mengetahui sesuatu masalah secara menyeluruh dan telah meninjau keseluruhan dalil-dalil serta berkemahiran dalam cara-cara menyimpul hukum dari dalil-dalil itu. Pada waktu ini ia hendaklah mengikut apa yang telah ditunjukkan oleh ijtihadnya, dan tidak seharusnya ia menyembunyikan kemampuan ilmiahnya dalam masalah tersebut semata-mata kerana mau terus bertaqlid kepada imam mazhabnya dalam perkara itu. Jika kemampuannya mencakupi lebih daripada satu masalah, maka hukumnya sama seperti itu juga.

Kedua: Jika pentaqlid menemui sepotong hadith yang bertentangan dengan pendapat imam yang ditaqlidnya dalam sesuatu masalah agama, dan ia yakin akan kesahihan hadith tersebut beserta dengan dalil-dalil tentang hukum masalah itu, maka ia hendaklah mengikut dalil hadith itu dan berhenti daripada berpegang kepada mazhab imamnya dalam hukum tersebut. Ini ialah kerana imam-imam mazhab yang empat itu semuanya telah berpesan kepada rakan-rakan mereka dan murid-murid mereka supaya berpegang kepada dalil hadith sahih jika bertentangan dengan hasil ijithad mereka. Pada hakikatnya berpegang kepada hadith sahih itu adalah dasar utama setiap mazhab

yang empat itu, bahkan ia menjadi titik temu semua mazhab tersebut.

Namun begitu, di sana terdapat beberapa syarat yang perlu diketahui dan dipelihara dalam hal ini. Bukan setiap hadith yang diteliti dan dilihat oleh seseorang penyelidik dan yang bertentangan dengan imam mazhabnya itu menunjukkan hakikat yang difahami oleh penyelidik itu. Dalam hal ini Imam al-Nawawi telah mengingatkan dengan berkata: “Apa yang disebutkan oleh Imam Syafi’e itu bukan bermakna tiap seorang yang menemui hadith sahih lantas mengatakan: Ini mazhab Syafi’e, lalu terus mengamalkannya mengikut pengertiannya yang zahir. Hal ini sesungguhnya ditujukan kepada sesiapa yang telah mencapai martabat ijтиhad mazhab seperti yang telah disebutkan sifatnya, atau kepada orang yang hampir dengan kedudukannya. Syaratnya ialah sangkaannya lebih berat yang Imam Syafi’e Rahmatu’Llahi Ta’ala tidak pernah menemui hadith tersebut atau tidak mengetahui kesahihannya. Ini hanya berlaku selepas ia menelaah semua kitab Imam Syafi’e dan kitab rakan-rakannya yang mengambil ilmu darinya, juga kitab-kitab yang seumpamanya. Syarat ini amat payah dan sangat sedikit orang yang bersifat sedemikian. Mereka mensyaratkan demikian ialah kerana Imam Syafi’e Rahmatu’Llah telah meninggalkan amalan dengan pengertian zahir. Banyak hadith yang telah ditemui dan diketahuinya kerana beliau mempunyai bukti tentang kecacatannya atau nasakhnya atau takhassusuya atau ta’wilnya atau sebagainya lagi” (*المجموع* Jilid 1, halaman 64).

Seseorang imam yang menafikan pengertian zahir sesebuah hadith itu mempunyai banyak sebab dari segi ijтиhad. Ibn Taimiyyah telah menyebutkan sepuluh sebab, dengan tambahan satu sebab lagi iaitu, orang alim itu harus mempunyai hujjah kerana menolak amalan dengan sesebuah hadith yang kita

tidak menelaahnya. Sesungguhnya lapangan mengenal ilmu itu adalah luas sekali (رفع الملام من الأئمة) oleh Ibn Taimiyyah, halaman 31).

* * *

Demikianlah dalil-dalil bagi menunjukkan bahawa syara' mengharuskan orang bertaqlid bagi sesiapa yang tidak mampu berijtihad dan tidak sampai ke darjatnya. Begitu juga dalil yang menunjukkan keharusan orang beriltizam dengan sesuatu mazhab tertentu dan keharusan tidak beriltizam dengannya.

Andainya diketepikan dalil-dalil dan bukti-bukti ini, dan setiap individu Islam dibebaskan untuk berijtihad sendiri dalam hal ehwal agama mereka, nescaya kehidupan umat Islam akan menjadi porak-peranda, tidak menentu dan seterusnya boleh membawa kepada keruntuhan yang menyeluruh.

Jika projek-projek pembangunan perlu dirujuk kepada para jurutera dan ahli-ahli yang pakar mengenainya, hal ehwal kesihatan dirujuk kepada pakar-pakar kesihatan dan perubatan, dan projek-projek perindustrian dirujuk kepada pakar-pakar yang mahir di bidang industri dan ekonomi, maka demikian juga dalam hal ehwal agama. Ia perlulah dirujuk kepada alim ulama' dan mereka yang ahli tentangnya.

Natijah yang akan lahir daripada penglibatan manusia yang bukan pakar dalam lapangan-lapangan ijтиhad di bidang keduniaan adalah sama seperti natijah yang akan lahir dari penglibatan manusia yang bukan ahli dan bukan pakar dalam lapangan ijтиhad berhubung dengan ilmu-ilmu Syari'ah dan hukum-hukum halal dan haram!

Bahaya yang dialami oleh kaum muslimin apabila dibukakan pintu ijтиhad kepada semua golongan manusia ialah terbukanya peluang kepada pihak-pihak yang sentiasa mencari jalan untuk mencemarkan kesucian Islam dan syari'atnya. Tidak syak lagi mereka akan mengambil kesempatan melaksanakan hasratnya yang jahat lagi keji itu. Sejarah moden negeri Mesir telah menyaksikan bagaimana pihak penjajah Inggeris, sewaktu menduduki negeri tersebut, telah menganggap syari'at sebagai punca kemunduran dan kebekuan dan kerana itu perlu kepada perubahan serta pembaruan. Usaha-usaha pun dijalankan untuk membebaskan rakyat Islam Mesir daripada kongkongan itu. Jalan yang paling sesuai dipilih dan amat bijak untuk mencapai matlamat tersebut ialah dengan menyebarkan gagasan ijтиhad di kalangan tokoh-tokoh terkemuka yang pro perubahan masyarakat Islam Mesir agar mengikut acuan masyarakat Eropah moden. Golongan ini telah menjalankan kempen menyeru Syeikh al-Azhar dan ulama'nya supaya berijтиhad tanpa mematuhi syarat-syaratnya, sehingga Syeikh Mustafa al-Maraghi sendiri pernah menyarankan bahawa seseorang ahli ijтиhad tidak perlu menguasai bahasa Arab!

Golongan berkenaan kemudiannya telah berijтиhad di bidang syari'at Islam dan hasilnya ialah perubahan-perubahan telah dilakukan ke atas undang-undang keluarga Islam dengan menyekat poligami, penghapusan hak talaq dan menyamakan hak lelaki dan wanita dalam pembahagian harta pesaka. Sejak itu fatwa ijтиhad bebas itu makin berleluasa dikeluarkan sehingga membawa kepada mengharuskan tidak berhijab bagi kaum wanita dan menghalalkan penerimaan sebahagian wang riba dari bank-bank. Golongan yang mengeluarkan fatwa-fatwa itu menganggap perbuatan mereka sebagai berpandangan jauh, berfikiran fleksibel dan selaras dengan jiwa Islam (الأتجاهات الوطنية) موقف العقل والعلم والعام من في الأدب المعاصر Jilid 2 halaman 298 dan Jilid 4, halaman 350).

**Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang Jalan Sultan Yahya Petra,
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-7481512 Faks: 09-7485512
Portal Rasmi: www.e-maik.my Email: maik@e-maik.my**